

## **Kerajaan Pahang Cadang Menambah Sempadan Baharu Rizab Biosfera Tasik Chini**

**KUANTAN, 13 SEPTEMBER 2022** : Kerajaan Negeri Pahang menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri bercadang menambah sempadan baharu Rizab Biosfera Tasik Chini sebanyak 2,191.18 hektar kepada 9,142.62 hektar.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail dalam satu kenyataan media berkata cadangan berkenaan merupakan salah satu daripada tujuh perkara utama di dalam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tasik Chini (Penggubahan).

“Kerajaan Negeri Pahang menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang bersidang pada hari ini (13 September 2022), telah dimaklumkan berkenaan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tasik Chini (Penggubahan) yang telah siap disediakan selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta cadangan untuk mengadakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam pada Oktober tahun ini.

“Menerusi Draf RKK Tasik Chini (Penggubahan) ini, beberapa perkara utama telah diambil kira iaitu cadangan pengubahsuaian sempadan baharu Rizab Biosfera Tasik Chini, iaitu daripada 6,951.44 hektar kepada 9,142.62 hektar.

“Kajian RKK Tasik Chini (Penggubahan) adalah seluas 55,586.12 hektar iaitu mengambilkira threshold area.

“Cadangan pengubahsuaian selaras dengan pewartaan baharu Hutan Simpan Kekal (HSK) Chini berkeluasan 6,502.8 hektar di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313),” katanya.

Beliau berkata kajian yang dilakukan juga mengambilkira rangkaian ekologi Central Forest Spine sebagai perkara utama draf berkenaan.

“Perkara Draf RKK Tasik Chini ini adalah dengan Enakmen Perbadanan Taman Negeri Pahang 2021 dan Enakmen Biodiversiti Negeri Pahang.

“Zon Rizab Biosfera Tasik Chini meliputi Zon Utama (Core Zone), Zon Penampan (Buffer Zone) dan Zon Peralihan (Transition Zone) sebagaimana keperluan UNESCO, manakala kawasan threshold dinamakan sebagai Zon Pinggiran Biosfera.

“Cadangan pengubahsuaian strategi pengurusan alam sekitar dengan penambahbaikan kepada Pelan Sensitif Alam Sekitar dan cadangan pengubahsuaian pengurusan dan pelaksanaan,” katanya.

Beliau turut berharap, Draf RKK Tasik Chini (Pengubahan) ini akan menjadi satu panduan kepada Kerajaan Negeri dan juga pihak berkuasa tempatan agar sebarang bentuk pembangunan di Tasik Chini dilaksanakan tanpa menjejaskan kelestarian khazanah alam. **-PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Ain Nadhirah Basha**

